

02/04/2000

Kebangkitan semula Umno, BN

Shariffudin Mohamed; Rosli Abdul Jalil; Sariha Mohd Ali  
TEMERLOH: Pemimpin Barisan Nasional (BN) menyifatkan kejayaan BN mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang menerusi calonnya, Redzwan Harun, membuktikan bahawa Umno dan BN tetap menjadi pilihan rakyat.

Kemenangan itu juga menandakan pemulihan dan kebangkitan semula Umno dan BN, selepas pelbagai spekulasi dan andaian dibuat terhadap kedudukan parti tunjang BN itu dan kepemimpinan negara.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kejayaan Redzwan secara tidak langsung memberi kesan di peringkat nasional kerana pilihan raya kecil itu adalah yang pertama selepas pilihan raya umum ke-10, November lalu.

"Saya bangga dengan kejayaan cemerlang BN dalam pilihan raya kecil ini, malah ia menjadi titik permulaan ke arah pemulihan Umno dan BN di peringkat nasional, khususnya di Pahang.

"Ini kerana pelbagai spekulasi dan andaian dibuat terhadap kedudukan Umno dan BN serta kepemimpinan negara sebelum ini. Kemenangan Redzwan membuktikan Umno dan BN masih menjadi pilihan rakyat," katanya.

Najib berkata, semua pihak perlu menjadikan kejayaan ini sebagai bukti bahawa hanya Umno dan BN yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan terus menjadi wadah perjuangan kepada semua bangsa di Malaysia.

"Kemenangan ini juga sebagai bukti pemimpin Umno di Pahang sentiasa bersatu hati dan berjuang gigih untuk menjadikan Pahang sebagai kubu kuat Umno dan BN," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kejayaan itu memberi keyakinan kepada pucuk pimpinan Umno terhadap penerimaan rakyat kepada Umno dan BN.

Beliau berkata, pengundi membuat pilihan bijak dengan membezakan kepentingan parti, negeri dan negara berbanding isu peribadi.

"Keputusan pengundi memilih BN menjadi pengajaran kepada penyokong luar bahawa kita tidak terima jenis kempen dan gangguan mereka khususnya taktik menyerang hal peribadi seseorang.

"Kemenangan ini juga baik untuk politik Pahang bagi menangkis kononnya Pas cuba memasuki Pahang," katanya.

Mohd Khalil berkata, faktor calon BN turut membantu kejayaan pilihan raya kecil ini kerana Redzwan adalah seorang yang komited, jujur dan rendah diri.

Pengerusi MCA Pahang, Datuk Chan Kong Choy, berkata kemenangan itu membuktikan pengundi keturunan Cina menolak parti politik melampau yang diamalkan Pas.

Sebaliknya, katanya, ini terbukti dengan sokongan kepada Redzwan yang mewakili parti politik sederhana.

"Pengundi sudah membuat keputusan bijak untuk memilih pemimpin BN untuk mewakili kawasan DUN Sanggang.

"Pemilihan seorang wakil rakyat daripada BN akan memberi ruang kepadanya untuk bekerjasama rapat dengan Ahli Parlimen Mentakab, Fu Ah Kiow," katanya.

Beliau berkata, pengundi Cina yang keluar mengundi kali ini meningkat kepada 71.1 peratus daripada 69.6 peratus di DUN Sanggang dalam pilihan raya umum lalu.

Setiausaha MIC Pahang, A Sivalingam, berkata pihaknya berusaha kuat untuk menjamin Redzwan mencapai kemenangan selesa.

Beliau berkata, kedatangan orang luar ke DUN Sanggang yang dilakukan parti pembangkang bertujuan mengelirukan pengundi adalah satu tindakan tidak elok.

"Sepatutnya pengundi mesti diberi peluang mengambil keputusan memilih calon mereka tetapi nampaknya ribuan orang datang ke sini untuk memberi sokongan kepada parti pembangkang," katanya.

(END)